

# Bangkit Menggapai Impian PhD

**Kompilasi Kisah Hidup  
Tarbiah Motivasi Diri**

Terlalu banyak mutiara nasihat, tips dan panduan yang dapat dikutip dalam setiap bicara perkongsian penulis dalam buku ini untuk memberi semangat kepada pembaca. Setiap perjalanan PhD mempunyai jalan cerita yang tersendiri dengan pahit manis cabaran dalam proses menghasilkan seorang penyelidik yang diiktiraf oleh sarjana yang lain. Tempoh pengajian ini tidak sama antara setiap individu. Ada yang cepat, dan ada juga yang lambat. Kehebatan seseorang itu dalam menyelesaikan pengajiannya, bukan sahaja terletak pada kemampuan menguruskan pengajian, malah turut terkait dengan urusan pengurusan diri, hubungan dengan Pencipta (Allah) serta hubungan sesama makhluk. Dengan peibagai pengalaman yang dipertontonkan dalam kompilasi pengalaman PhD ini, diharapkan calon PhD akan dapat menyemarakkan semangat dan terus cekal untuk menyelesaikan pengajian. Ujian yang mendatang itu bakal menjadikan setiap calon PhD kuat dan hebat apabila berjaya melepasiinya. Di situlah kemanisan sebenar yang bakal dirasakan apabila ilmu kehidupan dan penyelidikan bertaut dalam jiwa kita untuk menjadi lebih baik daripada sebelumnya.

  
**Penerbit  
UTHM**

ISBN 978-967-0061-26-9



9 789670 061269

Sila imbas kod untuk  
maklumat lanjut

